



Ruj. Kami : ANM(S)NS.263(64)
Tarikh : 05 Jun 2020

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGUNAAN KOD PEMBEKAL ONE TIME VENDOR (OTV) BAGI BAYARAN KEPADA PENJAWAT AWAM DI IGFMAS

Degan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penggunaan kod pembekal OTV (10001-19999) adalah tidak dibenarkan bagi pembayaran kepada Penjawat Awam. Pengecualian hanya diberikan kepada pegawai baharu yang masih belum menerima nombor gaji dan bayaran balik deposit sahaja.

3. Sehubungan dengan itu, semua Arahan Pembayaran yang tidak mematuhi ketetapan ini akan ditolak. Sekiranya pembekal OTV digunakan, pegawai penyedia, Peraku I dan Peraku II bertanggungjawab memastikan maklumat penerima serta nombor akaun bank yang dikunci masuk adalah bertepatan dengan penyata bank yang disahkan dan dilampirkan.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi unit berkaitan seperti berikut :

- i. Unit Pengurusan Dana bagi urusan Arahan Pembayaran di talian 06-768 6844, 06-768 6838, 06-768 6896
- ii. Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan bagi urusan Kod Pembekal di talian 06-768 6851, 06-768 6852

5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMAD NOR AZAM BIN SABTU C.A(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan